

14 OCT 2002

Mahathir-Kakitangan

DR MAHATHIR HARGAI KECEKAPAN PENTADBIRAN AWAM NEGARA

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyatakan penghargaannya kepada hampir satu juta kakitangan kerajaan yang menurutnya berjaya melahirkan sebuah pentadbiran awam yang cekap dan berkesan.

Perdana Menteri berkata komitmen mereka membolehkan pentadbiran awam di Malaysia menjadi antara yang paling cekap di kalangan negara-negara membangun.

Menurutnya, ini dicerminkan oleh antara lain jemputan yang diterima sesetengah pegawai kerajaan untuk memberikan tunjuk ajar kepada kakitangan kerajaan di negara lain.

Berucap pada Malam Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) 2002 di Seri Kembangan dekat sini, Dr Mahathir berkata JPA tidak banyak melakukan kesilapan daripada segi memilih kakitangan kerajaan dan ini sekaligus dapat menentukan segala urusan pentadbiran negara dapat berjalan lancar.

"Bagaimanapun, jentera (kerajaan) yang sebegini besar tidak mudah diuruskan. Sebab itulah kepimpinan di peringkat kementerian dan jabatan adalah penting. Jika tidak, sukar hendak tentukan dasar kerajaan dapat dilaksanakan dengan sempurna," katanya.

-- LAGI

MAM MAM MOZ